



IKLAN PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

DI MAJLIS AGAMA ISLAM

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Majlis Agama Islam Negeri Kedah ingin memperlawakan Warganegara Malaysia yang berkecenderungan bagi mengisi kekosongan Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman.

Rujukan Fail : MAIK/KHP/149 Jld.13 (44)
Bertarikh 10/01/2018

1. BUTIRAN JAWATAN

JAWATAN/ KEKOSONGAN	BUTIRAN	KADAR UPAH	SYARAT LANTIKAN	SENARAI TUGAS
1) Pekerja Sambilan Harian 2) 5 kekosongan (Lelaki)	Taraf Jawatan : Sambilan Tempoh Maksimum 6 Bulan (-3 bulan + 3 bulan)	RM54.00 sehari	Calon-calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: i) Warganegara Malaysia ii) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan) iii) Diperakui sihat fizikal dan tubuh badan iv) Keutamaan diberi kepada mereka yang memiliki lesen memandu.serta memiliki kenderaan sendiri . v) Dapat bertugas secara berdikari dibawah pengawasan yang minimum	1. Urusan mengutip sewa tanah dan sewa bangunan milik Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman 2. Menyediakan laporan harian selepas kutipan sewa. 3. Menyediakan laporan .siasatan ke atas penyewa yang bermasalah dan tegar. 4. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh pihak atasan dari masa ke semasa.

2. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

3. CARA MEMOHON :

- 1) Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang MAIK/KHP Pindaan 2017 yang berharga RM2.00 dan boleh diperolehi di :

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH,
BANGUNAN WAN MAT SAMAN,
JALAN RAJA, 05000 ALOR SETAR, KEDAH**

- 2) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke Majlis Agama Islam Negeri Kedah **TIDAK LEWAT** daripada **18/01/2018** dan dialamatkan seperti berikut:-

**SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH,
BANGUNAN WAN MAT SAMAN,
JALAN RAJA, 05000 ALOR SETAR, KEDAH
(u.p. Bahagian Khidmat Pengurusan)**


Nota :

- i. Salinan sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan hendaklah **disahkan** dan disertakan bersama borang permohonan.
- ii. Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga dan mereka yang berjaya sahaja yang akan dihubungi.
- iii. Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- iv. Segala perbelanjaan atas segala urusan permohonan jawatan ini adalah menjadi tanggungan pemohon sendiri.
- v. Sila nyatakan **jawatan** yang dipohon dibahagian **atas kiri sampul**.

Sekian, terima kasih,

**"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA"
"MUAFAKAT KEDAH"**

Saya yang menurut perintah,


DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ISMAIL, DSBK, AMK., BCK.
Setiausaha
Majlis Agama Islam
Negeri Kedah Darul Aman.